KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **22 OGOS 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 4

# 'Proses mohon lesen hanya 3 hingga 5 hari bekerja'

## MCMC jamin ambil masa singkat urus permohonan penyedia platform media sosial

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil memberi jaminan proses permohonan lesen penyedia platform media sosial dan sistem pesanan internet, hanya mengambil masa antara tiga hingga lima hari bekerja.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC), katanya, prosedur permohonan *class license* mengambil masa singkat berbanding proses permohonan 'lesen individu'.

"Jika 'lesen individu', mungkin ambil masa beberapa bulan untuk proses, tetapi bagi *class license*, MCMC maklumkan akan ambil masa tiga hingga lima hari bekerja. Kita belum terima lagi sebarang permohonan (penyedia platform media sosial), dijangka proses itu akan berlangsung mulai Oktober atau November nanti.

"Kita beri jaminan kepada (penyedia) platform media sosial, memandangkan (lesen) yang kita kenakan ini adalah *class license*, maka prosesnya tidak sukar berbanding 'lesen individu'," katanya pada sidang media pasca mesyuarat Kabinet dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, di sini semalam.


Platform media sosial, pesanan internet wajib ada lesen mulai 2025

Keratan akhbar BH 28 Julai lalu.

Media sebelum ini melaporkan perkhidmatan media sosial dan pesanan internet yang mempunyai sekurang-kurangnya lapan juta pengguna berdaftar di Malaysia perlu memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

MCMC memaklumkan, langkah itu akan dikuatkuasakan 1 Januari depan sebagai satu kerangka kawal selia baharu ke atas perkhidmatan media sosial dan pesanan internet diperkenal 1 Ogos ini.

Fahmi berkata, beliau sentiasa mendapatkan taklimat daripada MCMC mengenai garis masa pelaksanaan pelesenan terbabit yang terbahagi kepada dua, melingkungi asas penting untuk pelesenan dan garis masa membangunkan dokumen tatakelakuan bagi platform media sosial.

"Untuk membangunkan kod tatakelakuan, ada perbincangan yang akan diadakan bersama semua platform media sosial, semua pemegang taruh, termasuk badan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan pelbagai pihak," katanya.

### Belum terima arahan

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan belum membuat sebarang ketetapan untuk melarang penjawat awam menggunakan aplikasi Telegram seperti dilaksanakan di Belanda dan isu berkaitan keselamatan perkhidmatan awam diuruskan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

"Waktu ini kita belum terima apa-apa arahan," katanya menjawab soalan pemberita mengenai keputusan Majlis Perbandaran Amsterdam melarang pekerjanya menggunakan aplikasi Telegram di telefon bimbit mereka berkuat kuasa April lalu kerana bimbang risiko diintip, dengan aktiviti jenayah dan pengintipan menjadi alasan utama.

Di Malaysia, Fahmi berkata, kerajaan melaksanakan pelesenan ke atas platform media sosial dan sistem pesanan internet bagi menjamin internet lebih selamat untuk rakyat Malaysia.

Sementara itu, beliau berkata, Fadillah mengarahkan kementerian berkaitan meningkatkan pemantauan harga barang di pelbagai peringkat susulan kenaikan gaji kakitangan awam yang bermula Disember ini, meningkatkan aspek penguatkuasaan, terutama membabitkan harga makanan di restoran.

"Peringatan khusus kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, tapi kementerian (lain) juga diminta tingkat pemantauan," katanya turut memaklumkan mesyuarat Kabinet juga merakamkan ucapan takziah atas pemergian Pengarah Media dan Komunikasi Strategik Pejabat Perdana Menteri, Roziid Abdul Rahman.

Menyentuh isu politik, Fahmi yang juga Ketua Penerangan PKR, mengibaratkan BERSATU seperti jatuh ditimpa tangga kerana bukan saja tewas Pilihan Raya Kecil (PRK) Nenggiri, malah Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin kini disiasat polis kerana kontroversi membabitkan institusi Raja.

"Kita tahu dan sedar bagaimana sewaktu Parlimen dahulu ditutup (pengisytiharan darurat ketika pandemik COVID-19), juga ada titah tuanku (Yang di-Pertuan Agong ketika itu) mengenai penutupan Parlimen membabitkan Tan Sri Muhyiddin," katanya.

Mengenai tindakan Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA), Wan Fayhsal Wan Ahmad Kamal membuat laporan polis dan menyalahkan sebuah portal berita berhubung video tular membabitkan Muhyiddin, Fahmi menyifatkan ketua sayap pemuda BERSATU itu panik dan cuba menyalahkan pihak lain.

Ditanya mengenai dakwaan seorang bekas Ahli Parlimen PKR disiasat polis kerana dipercayai terbabit dalam kes gangguan seksual terhadap seorang wanita, Fahmi menegaskan, parti tidak akan sesekali bertoleransi dengan mana-mana ahlinya yang terbabit kes jenayah, termasuk gangguan seksual.

"Berkaitan perkara itu (dakwaan bekas Ahli Parlimen PKR terbabit gangguan seksual), kita belum dapat apa-apa maklumat dan kita serahkan kepada polis untuk melakukan siasatan," katanya turut menasihatkan pengamal media yang alami gangguan seksual ketika di lapangan segera lapor insiden itu kepada pihak berkuasa.

> Kita beri jaminan kepada (penyedia) platform media sosial, memandangkan (lesen) yang kita kenakan ini adalah *class license*, maka prosesnya tidak sukar berbanding 'lesen individu'


**Fahmi Fadzil,** Menteri Komunikasi

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 22



*Pegawai Penguat Kuasa Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut dan KPDN menampal notis arahan tutup 14 hari terhadap gerai didapati kotor, di medan selera New World Park, Georgetown.* (Foto Zuhainy Zulkiffli/BH)

# Gerai banyak lipas diarah tutup

**Georgetown:** Puluhan lipas ditemukan dalam rak simpanan bahan makanan menjadi antara punca beberapa gerai di medan selera New World Park di Jalan Burma, di sini diarah tutup selama 14 hari.

Pemeriksaan ke atas beberapa premis lain pula mendapati pengendali makanan menggunakan tuala pengelap dan dapur 'berkerak', selain peralatan masak yang berjelaga serta hitam.

Ketika operasi itu, ada peniaga lari meninggalkan gerai tanpa menutup api di dapur selepas menyedari kehadiran pegawai penguat kuasa.

Pegawai Operasi Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Muhammad Firdaus Abdul Halim, berkata dua daripada 28 premis yang diperiksa diarah tutup selama 14 hari mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

Sebanyak 21 notis atas pelbagai kesalahan turut dikeluarkan kepada peniaga.

"Antara kesalahan dikesan ialah pengendali makanan tidak mempunyai suntikan antitifoid dan tidak menjalani latihan pengendali makanan.

"Kita juga mengesan premis yang menyimpan ramuan makanan melebihi tarikh luput dan persekitaran yang tidak bersih serta kotor," katanya.

Terdahulu, operasi berkenaan turut membabitkan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pada pemeriksaan itu juga, peti sejuk di beberapa gerai turut didapati diletakkan dengan pelbagai bahan makanan yang dikhuatiri berlaku pencemaran silang.

Pegawai penguat kuasa KPDN turut memeriksa dan menerangkan kepada pemilik premis mengenai penyimpanan tong gas petroleum cecair (LPG).

Muhammad Firdaus berkata, keseluruhan kompaun adalah berjumlah RM6,900.

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 4

# Naik gaji: Penguatkuasaan harga dipertingkat

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) diarah meningkatkan aspek penguatkuasaan susulan kenaikan gaji penjawat awam yang diumumkan baru-baru ini.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dalam mesyuarat Jemaah Menteri semalam mahu penguat kuasa memastikan harga barang tidak naik terutama harga makanan di restoran.

"Menteri-menteri juga diminta turun padang untuk melihat harga barangan di tempat masing-masing," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Sementara itu, Fahmi berkata, tiada arahan yang melarang penjawat awam menggunakan aplikasi Telegram yang didakwa berisiko diintip dan digunakan untuk jenayah siber, selain menjadi tempat pelindungan selamat untuk penggodam serta pengedar dadah.

"Biasanya aspek keselamatan (larangan) ini diuruskan oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO). Waktu ini kita belum terima apa-apa arahan serupa (larangan)," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang melakukan sesi libat urus dengan pemegang taruh dan platform media sosial mengenai aspek pelesenan.

"Kita percaya dengan proses pelesenan itu nanti, semua platform media sosial dan juga sistem pesanan internet akan akur dengan syarat-syarat dikenakan untuk menjamin internet yang selamat bagi rakyat Malaysia.

"Kementerian Komunikasi dijangka menerima permohonan mendapatkan lesen daripada pengendali platform media sosial sekitar Oktober atau November ini.

"Kita beri jaminan kepada (penyedia) platform media sosial memandangkan yang kita kenakan ini adalah *Class License* maka prosesnya tidak sukar dibandingkan dengan *Individual License*," katanya.

Pada 27 Julai lepas, MCMC memaklumkan semua perkhidmatan media sosial dan pesanan Internet yang mempunyai sekurang-kurangnya lapan juta pengguna berdaftar di negara ini, perlu memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Mengenai gangguan seksual yang didakwa melibatkan bekas ahli Parlimen PKR, Fahmi yang merupakan Ketua Penerangan parti itu menyerahkan sepenuhnya kepada pihak polis.

"Perkara seperti gangguan seksual adalah perkara yang tidak harus kita bertoleransi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Fahmi berkata, beliau mengingatkan pengamal media yang pernah berdepan gangguan seksual ketika bertugas supaya segera melaporkan insiden itu kepada pihak berkuasa

Katanya, langkah berkenaan adalah bagi memastikan keselamatan pengamal media dijamin serta keadilan dapat ditegakkan kepada setiap mangsa.

Sebelum ini, seorang wartawan wanita dilapor mengalami gangguan seksual ketika bertugas bagi liputan kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap.

Bagaimanapun, laporan terkini menyatakan kes membabitkan wartawan itu diklasifikasikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut (NFA).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 31

# Sindiket seleweng minyak masak subsidi bernilai RM20 juta tumpas

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi menerusi serbuan Op Tiris 3.0 yang dijalankan di beberapa premis di sekitar Perak, Selangor dan Johor pada 9 Ogos lalu.

Ketua Pengarah Penguatkuasanya, Datuk Azman Adam berkata, serbuan ke atas syarikat pengilang, pembungkusan dan pemborong minyak masak itu dibuat menerusi operasi bersepadu melibatkan KPDN Putrajaya dan negeri setelah risikan selama beberapa bulan dilakukan.

"Modus operandi sindiket ini adalah melibatkan proses penghantaran minyak masak bersubsidi yang sepatutnya dilakukan oleh pengilang minyak masak yang beroperasi di Ipoh, Perak ke tiga syarikat pembungkusan minyak masak (repackers) di negeri sama.

"Namun penghantaran tersebut sebaliknya tidak berlaku, tetapi dihantar ke syarikat-syarikat pemborong minyak masak di Selangor dan Johor dalam kuantiti tertentu," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Kata Azman, minyak masak bersubsidi terbabit sebahagiannya dikumpulkan di syarikat pemborong di Selangor, manakala selebihnya dikumpulkan di sebuah syarikat pemborong minyak masak di Johor.



AZMAN Adam dalam sidang akhbar berhubung sindiket rantaian penyelewangan minyak masak di Ibu pejabat KPDN, Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

"Tindakan itu dibuat sebelum dibungkus semula menggunakan bungkusan minyak masak botol dan dijual di pasaran mengikut harga minyak masak botol bukan bersubsidi," menurutnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, nilai keseluruhan ketirisan subsidi minyak masak menerusi operasi ini dianggarkan mencecah sehingga RM20 juta.

Katanya, selain minyak masak, sitaan turut dilakukan ke atas beberapa dokumen perniagaan lain seperti invois belian dan jualan, dokumen tuntutan subsidi minyak masak di bawah Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak (COSS).

Turut dirampas beberapa peralatan dan kenderaan yang digunakan dalam aktiviti haram ini.

"Setakat ini, dua lelaki warga tempatan berumur lingkungan 20 hingga 30 tahun ditahan bagi membantu siasatan. Kedua-dua individu terbabit adalah pekerja di syarikat pemborong minyak masak di Johor," ujarnya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 18




AZMAN menjelaskan kejayaan KPDN menumpaskan sindiket penyelewangan minyak masak pada sidang akhbar di Ibu Pejabat KPDN di Putrajaya semalam.

## KPDN gantung lesen tiga syarikat, 2 pekerja ditahan

# Seleweng minyak masak subsidi RM20j

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi menerusi serbuan Op Tiris 3.0 di Perak, Selangor dan Johor baru-baru ini.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, serbuan ke atas syarikat pengilang, pembungkusan dan pemborong minyak masak itu dibuat selepas pihaknya menjalankan risikan selama beberapa bulan.

"Siasatan mendapati proses penghantaran minyak masak bersubsidi sepatutnya dilakukan oleh pengilang di Perak kepada tiga buah syarikat pembungkusan minyak masak (repackers) di negeri sama.

"Penghantaran itu tidak berlaku, sebaliknya ia dihantar ke syarikat pemborong minyak masak di Selangor dan Johor dalam kuantiti tertentu.

"Minyak masak itu sebahagiannya dikumpulkan di syarikat pemborong di Selangor, manakala selebihnya dikumpulkan di sebuah syarikat pemborong minyak masak di Johor," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Azman, minyak masak bersubsidi itu seterusnya dimasukkan semula dalam botol dan dijual di pasaran mengikut harga minyak masak botol, bukannya harga subsidi.

Beliau berkata, nilai keseluruhan ketirisan subsidi minyak masak menerusi operasi itu dianggarkan mencecah RM20 juta.

Selain minyak masak, KPDN turut menyita dokumen perniagaan seperti invois belian dan jualan, borang tuntutan subsidi minyak masak di bawah Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak, peralatan dan kenderaan yang digunakan dalam aktiviti penyelewengan tersebut.

"Setakat ini, dua lelaki tempatan berusia 20 hingga 30 tahun ditahan bagi membantu siasatan. Mereka merupakan pekerja di syarikat pemborong minyak masak di Johor," katanya.

Susulan serbuan itu, KPDN menggantung lesen yang diberikan kepada ketiga-tiga syarikat pembungkusan tersebut bagi membendung ketirisan daripada terus berlaku.

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 20

# Tingkat penguatkuasaan

## *Penyasaran subsidi diesel: Rampasan turun lebih 10 kali ganda - KPDN Kelantan*

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Langkah penyasaran subsidi diesel menunjukkan impak positif apabila berlakunya penurunan kes rampasan di Kelantan sehingga lebih 10 kali sejak ia mula dilaksanakan pada Jun lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, trend penurunan itu berdasarkan perbandingan dilakukan sebelum dan selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Katanya, sebelum pelaksanaan itu dianggarkan antara 30 hingga 40 kes rampasan diesel dilaporkan dalam tempoh sebulan namun sejak ia dilaksanakan pada Jun sehingga Ogos lalu hanya tiga kes sahaja yang direkodkan.

"Perbandingan ini jelas menunjukkan berlakunya penurunan jumlah kes yang signifikan.

"Pihak KPDN sentiasa meningkatkan penguatkuasaan di sempadan untuk mengawal penyeludupan diesel termasuklah pemantauan yang lebih ketat, rondaan statik di stesen minyak dan juga tiga pintu Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) iaitu Rantau Panjang, Bukit Bunga dan Pengkalan Kubor.

"Selain itu, pihak kami juga melakukan pemeriksaan kenderaan dan operasi bersepadu dengan agensi lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Polis Marin (PPM), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Pasukan Gerakan Am (PGA).

"Bermula Januari hingga Ogos lalu, KPDN merampas diesel sebanyak 68,857.15 liter dengan nilai keseluruhan berjumlah RM230,671.45, manakala sepanjang tahun lalu sejumlah 65,803.50 liter dengan nilai sitaan sebanyak RM141,511.67," katanya.

Beliau berkata, aktiviti penyelewengan bukan sahaja menyeludup bahan bakar ke sempadan namun ia juga boleh berlaku dalam industri apabila penyeludup menjualnya kepada kilang atau syarikat pembalakan dalam hutan.

"Kebanyakan penyeludup adalah mereka yang menganggur, malah ada juga dalam kalangan suri rumah selain ada kalanya pekerja stesen minyak yang turut bersekongkol dengan penyeludup demi mengaut keuntungan.

"Walau bagaimanapun, pihak KPDN akan terus memantau dan mempertingkatkan penguatkuasaan bagi memastikan pengurangan penyeludupan diesel dan tidak berlaku peningkatan semula sebagaimana sebelum pelaksanaan penyasaran subsidi diesel," katanya.

Katanya, dalam mengekang aktiviti penyelewengan barang kawalan, terdapat pelbagai ancaman yang dihadapi oleh KPDN termasuk serangan fizikal, ancaman kepada pegawai selain penggunaan taktik atau modus operandi penyeludup yang berubah-ubah dari semasa ke semasa.

"Pegawai dan anggota KPDN sering kali berhadapan dengan insiden berisiko tinggi semasa menyertai operasi termasuklah ancaman nyawa seperti dilanggar kenderaan oleh penyeludup.

"Sebagai contoh, baru-baru ini berlaku insiden di mana pegawai diprovokasi semasa melakukan pemeriksaan di sempadan dan ini jelas menunjukkan risiko tinggi yang dihadapi semasa menjalankan tugas.

"Malah, ada juga pegawai atau anggota yang menerima ugutan daripada penyeludup dan ia adalah perkara biasa, namun keselamatan harus diutamakan setiap kali menyertai operasi," katanya.

Azman berkata, sebelum melaksanakan operasi, persiapan rapi perlu dilakukan termasuk perancangan strategik, latihan intesif serta pengumpulan maklumat risikan.

"Justeru penglibatan *task force* bersama pasukan elit seperti PGA, Pasukan Polis Marin, JKDM atau unit khas lain seringkali diperlukan untuk memberi sokongan kepada operasi yang lebih berisiko tinggi," katanya.

> "KPDN sentiasa meningkatkan penguatkuasaan di sempadan"
> Azman Ismail



ANGGOTA penguat kuasa sedang memantau kawasan sempadan.



KENDERAAN yang melalui ICQS akan diperiksa.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 3

# Syarikat pembungkus seleweng minyak masak bersubsidi RM20 juta

**PUTRAJAYA -** Tindakan licik tiga syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi yang menghantar hanya sebahagian bekalan terus kepada pemborong ditumpaskan dalam beberapa siri serbuan Ops Tiris 3.0 awal bulan ini.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Datuk Azman Adam berkata, penyelewengan yang dilakukan tiga syarikat berkenaan telah menyebabkan ketirisan dana kerajaan mencecah sehingga RM20 juta.

"Modus operandi sindiket ini agak unik yang mana selepas menerima bekalan daripada kilang minyak masak di Perak, mereka hanya membungkus sebahagian sahaja bagi mengaburi penguat kuasa," katanya menerusi sidang akhbar di sini pada Rabu.

Menurutnya, minyak masak bersubsidi yang diseleweng dikumpulkan di Selangor dan Johor sebelum dibungkus semula dalam kemasan botol.

"Mereka dipercayai mengaut keuntungan berlipat kali ganda dengan menjual minyak masak bersubsidi ini pada harga industri," jelas Azman.

Ujar beliau, ketiga-tiga syarikat pembungkusan itu telah digantung lesen serta-merta sebagai tindakan segera menyekat penyelewengan.

"Mereka sebenarnya telah mendapat lesen membungkus sejak tahun 2022 dengan jumlah kuota sebanyak 550 tan metrik sebulan," jelas Azman.

Tambahnya, dua lelaki tempatan masing-masing berusia lingkungan 20 hingga 30 tahun telah ditahan di Johor bagi membantu siasatan.

Pada perkembangan berkaitan, Azman berkata pihaknya telah melakukan 16,258 pemeriksaan membabitkan bahan komoditi iaitu petrol RON95, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, gula dan tepung gandum menerusi Ops Tiris 3.0 sepanjang tahun ini.

Bagi tempoh sama, 12,912 pemeriksaan turut dilakukan terhadap diesel melibatkan sebanyak 478 tangkapan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 4

# Didenda RM20,000 kerana miliki petrol tanpa lesen

Azmie Lim

SEMPORNA: Seorang lelaki berusia 26 tahun didenda RM20,000 atau enam bulan penjara kerana memiliki 2,080 liter petrol tanpa lesen.

Abdullah Asadan mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dikenakan ke atasnya pada Rabu di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Ahmad Faizadh Yahaya.

Tertuduh didapati memiliki barang kawalan tanpa sebarang permit ketika ditahan polis di perairan Singgah Mata, Pulau Bum Bum.

Ketika ditahan, Abdullah didapati memiliki 2,080 liter petrol yang diletakkan di dalam 70 jerikin di dalam bot kayu. Tertuduh juga mendapati tidak mempunyai sebarang lesen atau permit untuk memiliki barang kawalan itu.

Kesalahan di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta sama itu membawa hukuman denda sehingga RM1 juta, atau penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Ketua Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Semporna, Dr Jong Jee Leong yang turut menjalankan pendakwaan berkata, KPDN Semporna tidak akan berkompromi dengan sebarang aktiviti membabitkan barang kawalan dan akan terus meningkatkan penguatkuasaan bagi membendung sebarang aktiviti haram membabitkan barang kawalan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 2

# Ministries ordered to enhance prices check

**PUTRAJAYA:** All ministries have been directed to intensify monitoring at various levels to prevent any increase in the prices of goods following the recent announcement of a public sector salary increase, Communications Minister Fahmi Fadzil said yesterday.

Fahmi, who serves as the spokesman for the Unity Government, said this directive was issued during yesterday's Cabinet meeting, which was chaired by Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof.

He said Cabinet ministers will also conduct field visits to their respective constituencies or locations deemed necessary for monitoring purposes.

"There is a need to ensure that enforcement aspects are enhanced to prevent price increases, especially for food in restaurants.

"There is a specific reminder on this to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), but other ministries are also asked to increase their monitoring," he said at the post-Cabinet meeting press conference here.

On Friday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced a 15 per cent salary increase for civil servants in the implementing as well as management and professional groups, that would be implemented in two phases – Dec 1, 2024 (8 per cent) and Jan 1, 2026 (7 per cent).

Anwar, who is also Finance Minister, also announced that for civil servants in the upper management category, they will receive a 4 per cent raise in the first phase on Dec 1, and a 3 per cent raise in the second phase on Jan 1, 2026.

Meanwhile, Fahmi said yesterday's meeting also extended condolences to the family of Ronald Abdul Rahman, Director of Media and Strategic Communications at the Prime Minister's Office (PMO), who passed away on Sunday.

"His passing is deeply felt, and his contributions are greatly remembered," he said.

Ronald passed away at his home in Putra Heights, Subang Jaya, Selangor, on Sunday due to heart problems at the age of 59.

Asked about the Budget 2025 engagement sessions for all ministries, he said the engagement sessions would continue to gather feedback for the preparation of the document.

"The Prime Minister informed that the engagement sessions between ministries and stakeholders went very well last week.

"... we are asked to continue the engagement sessions and collect feedback from all ministries to review proposals deemed suitable to include in the document," he said.

The 2025 Budget, themed 'Ekonomi Madani, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera', will be tabled in the Dewan Rakyat on Oct 18. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 4




The accused charged at the Tawau Sessions Court for possessing controlled items without proper documentation.

# Filipino charged with possessing controlled items without proper documentation

**SEMPORNA:** A Filipino man was charged at the Tawau Sessions Court on Wednesday for possessing controlled items without proper documentation.

Tawau Sessions Court Judge Ahmad Faizadh bin Yahaya handed out the order to Abdullah bin Asadan, 26, to pay RM20,000 or imprisonment for six months for possession of 2,080 litres of petrol, an offence under Section 20 (1) of the Supply Control Act 1961, punishable under Section 22 (1) of the same Act and read together under Section 34 of the Penal Code.

The accused was arrested by Semporna police with 2,080 litres of petrol inside 70 jerrycans in a wooden boat while attempting to smuggle out the subsidised items to a neighbouring country in the waters off Singgah Mata, Pulau Bum Bum in Semporna.

Meanwhile, a statement from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Semporna Branch said KPDN will not compromise with any activities involving controlled goods and will continue to increase enforcement to combat any fraudulent activities and leakage of controlled goods in this area.

The prosecution for the case was carried out by the Semporna KPDN Prosecuting Officer, Dr. Jong Jee Leong.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 22/8/2024

M/SURAT: 1

# KPDN Tawau serius tangani penjualan barang tiruan

8

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 4



# KPDN tumpas penyelewengan minyak masak bersubsidi bernilai RM20 juta

## Penyelewengan babit 3 syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi di Perak

**PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi menerusi Ops Tiris 3.0, dengan nilai ketirisan subsidi minyak masak dianggarkan RM20 juta.**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata, penyelewengan itu melibatkan tiga syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi di Perak dan masing-masing satu syarikat pemborong minyak masak di Johor dan Selangor.

"Rantaian penyelewengan bermula dengan syarikat penapis minyak masak bersubsidi di Ipoh, Perak yang menghantar minyak masak dengan kuantiti keseluruhan 550 tan metrik sebulan kepada tiga syarikat pembungkusan minyak masak di negeri itu. Selepas dibungkus, ketiga-tiga syarikat itu sepatutnya menghantar minyak masak itu kepada peruncit yang berdaftar dengan mereka.

"Apa yang berlaku ketiga-tiga syarikat itu berpakat hanya membungkus sebahagian kecil minyak masak tersebut dan mengedarkannya kepada peruncit. Sebahagian besar minyak itu sebaliknya dijual kepada syarikat pemborong di Selangor dan Johor," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau berkata, syarikat pemborong di Selangor dan Johor pula bertindak membotolkan minyak masak bersubsidi itu dan dijual di pasaran mengikut harga minyak masak botol bukan bersubsidi.

Susulan itu, beliau berkata serbuan bersepadu melibatkan kerjasama KPDN Putrajaya, Perak, Selangor dan Johor dibuat pada 9 Ogos lepas dan dua lelaki warga tempatan berusia lingkungan 20 hingga 30 tahun, yang merupakan pekerja syarikat berpangkalan di Johor itu, ditahan bagi membantu siasatan.

> "Rantaian penyelewengan bermula dengan syarikat penapis minyak masak bersubsidi di Ipoh, Perak yang menghantar minyak masak dengan kuantiti keseluruhan 550 tan metrik sebulan kepada tiga syarikat pembungkusan minyak masak di negeri itu. Selepas dibungkus, ketiga-tiga syarikat itu sepatutnya menghantar minyak masak itu kepada peruncit yang berdaftar dengan mereka."
>
> **Datuk Azman Adam**
> *Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN*

Beliau berkata, selain minyak masak, sitaan turut dilakukan ke atas beberapa dokumen perniagaan seperti invois belian dan jualan, dokumen tuntutan subsidi minyak masak di bawah Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak (COSS), wang tunai RM163,000 dan beberapa peralatan serta kenderaan yang digunakan dalam aktiviti haram itu.

Azman berkata, kertas siasatan dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] bagi mengenal pasti individu atau syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi.

Selain tu, beliau berkata kesemua syarikat yang terlibat turut disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Wang Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613].

Siasatan di bawah akta tersebut adalah untuk kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta hingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak masak bersubsidi.

Beliau berkata, aktiviti penyelewengan itu telah menyebabkan gangguan bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran tempatan.

"Sebagai langkah tegas pihak kementerian memutuskan untuk menggantung kuota ketiga-tiga syarikat pembungkusan terlibat bagi memastikan ketirisan yang berlaku selama ini dapat dihentikan serta-merta. Ia juga bagi mengelakkan kerugian kepada pihak kerajaan," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 22/8/2024
M/SURAT: 8

# KPDN Tawau serius tangani penjualan barang tiruan

## Amaran keras kepada peniaga atau individu yang didapati terlibat dalam kegiatan berkenaan

Oleh Hamzah Sunadin

**TAWAU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengambil tindakan tegas terhadap kesalahan menjual atau mengedar barang tiruan di daerah ini.**

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Tawau Sam Aminudin berkata, pihaknya memberi amaran keras kepada peniaga atau individu yang didapati terlibat menjalankan aktiviti menjual barang-barang tiruan.

Katanya, terdapat akta atau undang-undang dikuatkuasakan oleh KPDN terhadap peniaga atau individu yang terlibat dengan aktiviti menjual barang tiruan.

"Kesalahan itu boleh disiasat mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Cap Dagangan 2019 dan Perintah Perihal Dagangan.

"Kita tidak mahu ada pihak yang membuat representasi palsu atau mengelirukan termasuklah dari segi gred, standard, kualiti, komposisi, gaya atau model tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam majlis 'kenali yang palsu, memastikan kebaikan, melindungi kualiti' yang dianjurkan Shell dengan kerjasama Teck Guan Trading Sdn Bhd, di sini kelmarin.

Katanya, kesalahan mengikut Seksyen 25 Akta Perlindungan Pengguna 1999 boleh dikenakan denda sehingga RM250,000 untuk pertubuhan dan RM100,000 kepada individu serta penjara tiga tahun.



HADIR: Sam (lima kanan) bergambar bersama pegawai Shell dan Teck Guan serta pemain industri minyak pelincir di daerah Tawau.

Menurutnya, bagi kes pemalsuan produk minyak pelincir pula terdapat beberapa jalan penyelesaian yang telah dicadangkan.

"KPDN dan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) telah mencadangkan pelaksanaan 'Genuine Product Certification Scheme' iaitu pensijilan dan rujukan standard," katanya.

Sam berkata, sehingga kini pihaknya belum menerima sebarang aduan mengenai penjualan barang tiruan di daerah ini.

"Namun, KPDN cawangan Tawau akan terus membuat tinjauan terhadap produk minyak pelincir yang dijual tiruan sama ada di stesen minyak mahupun premis perniagaan.

"Saya minta kerjasama pemegang produk minyak pelincir supaya membuat aduan sekiranya mendapati berlaku penjualan barang tiruan untuk kita ambil tindakan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Urusan Shell Malaysia, Shairan Huzani Husain mengucapkan terima kasih kepada pihak berkuasa dan pemilik perniagaan kerana memberi perhatian serius terhadap isu ini.

"Kami ingin memuji pihak berkuasa atas usaha mereka memerangi aktiviti pemalsuan dan pengedaran minyak pelincir tiruan.

"Shell Malaysia akan terus mendidik pengguna tentang cara membezakan minyak pelincir tulen Shell dan akan membendung produk tiruan yang dijual di saluran tidak sah," katanya.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Eksekutif Teck Guan Group, Datuk Hong Kin Fak.

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 22/8/2024

M/SURAT: 13

# KPDN tumpas penyelewengan minyak masak bersubsidi bernilai RM20 juta

## Penyelewengan babit 3 syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi di Perak

**PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi menerusi Ops Tiris 3.0, dengan nilai ketirisan subsidi minyak masak dianggarkan RM20 juta.**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata, penyelewengan itu melibatkan tiga syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi di Perak dan masing-masing satu syarikat pemborong minyak masak di Johor dan Selangor.

"Rantaian penyelewengan bermula dengan syarikat penapis minyak masak bersubsidi di Ipoh, Perak yang menghantar minyak masak dengan kuantiti keseluruhan 550 tan metrik sebulan kepada tiga syarikat pembungkusan minyak masak di negeri itu. Selepas dibungkus, ketiga-tiga syarikat itu sepatutnya menghantar minyak masak itu kepada peruncit yang berdaftar dengan mereka.

"Apa yang berlaku ketiga-tiga syarikat itu berpakat hanya membungkus sebahagian kecil minyak masak tersebut dan mengedarkannya kepada peruncit. Sebahagian besar minyak itu sebaliknya dijual kepada syarikat pemborong di Selangor dan Johor," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau berkata, syarikat pemborong di Selangor dan Johor pula bertindak membotolkan minyak masak bersubsidi itu dan dijual di pasaran mengikut harga minyak masak botol bukan bersubsidi.

Susulan itu, beliau berkata serbuan bersepadu melibatkan kerjasama KPDN Putrajaya, Perak, Selangor dan Johor dibuat pada 9 Ogos lepas dan dua lelaki warga tempatan berusia lingkungan 20 hingga 30 tahun, yang merupakan pekerja syarikat berpangkalan di Johor itu, ditahan bagi membantu siasatan.

Beliau berkata, selain minyak masak, sitaan turut dilakukan ke atas beberapa dokumen perniagaan seperti invois belian dan jualan, dokumen tuntutan subsidi minyak masak di bawah Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak (COSS), wang tunai RM163,000 dan beberapa peralatan serta kenderaan yang digunakan dalam aktiviti haram itu.

> "Rantaian penyelewengan bermula dengan syarikat penapis minyak masak bersubsidi di Ipoh, Perak yang menghantar minyak masak dengan kuantiti keseluruhan 550 tan metrik sebulan kepada tiga syarikat pembungkusan minyak masak di negeri itu. Selepas dibungkus, ketiga-tiga syarikat itu sepatutnya menghantar minyak masak itu kepada peruncit yang berdaftar dengan mereka."
>
> **Datuk Azman Adam**
> *Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN*

Azman berkata, kertas siasatan dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] bagi mengenal pasti individu atau syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi.

Selain itu, beliau berkata kesemua syarikat yang terlibat turut disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Wang Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613].

Siasatan di bawah akta tersebut adalah untuk kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta hingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak masak bersubsidi.

Beliau berkata, aktiviti penyelewengan itu telah menyebabkan gangguan bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran tempatan.

"Sebagai langkah tegas pihak kementerian memutuskan untuk menggantung kuota ketiga-tiga syarikat pembungkusan terlibat bagi memastikan ketirisan yang berlaku selama ini dapat dihentikan serta-merta. Ia juga bagi mengelakkan kerugian kepada pihak kerajaan," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 22 OGOS 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 22-Aug | Tiga syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi licik tumpas | https://www.sinarharian.com.my/article/681405/berita/semasa/tiga-syarikat-pembungkus-minyak-masak-bersubsidi-licik-tumpas | SINAR HARIAN |
| 22-Aug | Tiada kompromi ke atas pihak jual produk tiruan | https://www.dailyexpress.com.my/news/240445/tiada-kompromi-ke-atas-pihak-jual-produk-tiruan/ | DAILY EXPRESS |
| 22-Aug | Fake products: Ministry of Domestic Trade and Cost of Living warns of stern action | https://www.dailyexpress.com.my/news/240410/fake-products-ministry-of-domestic-trade-and-cost-of-living-warns-of-stern-action/ | DAILY EXPRESS |
| 22-Aug | Cockroaches in food rack; vendors abandon kitchen with stoves still burning | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/08/1094494/cockroaches-food-rack-vendors-abandon-kitchen-stoves-still-burning-watch | NEW STRAITS TIMES |
| 22-Aug | Peniaga lari tinggalkan dapur menyala bila lihat penguat kuasa | https://www.buletintv3.my/nasional/peniaga-lari-tinggalkan-dapur-menyala-bila-lihat-penguat-kuasa/ | BULEITN TV3 |
| 22-Aug | Lipas berselerak dalam rak makanan, peniaga lari ting-galkan dapur menyala bila lihat penguat kuasa | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1287732/lipas-berselerak-dalam-rak-makanan-peniaga-lari-tinggalkan-dapur | BERITA HARIAN |
| 22-Aug | Lipas berselerak dalam rak, peniaga lari tinggalkan dapur | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1125172/lipas-berselerak-dalam-rak-peniaga-lari-tinggalkan-dapur | HARIAN METRO |
| 22-Aug | Roach infestation leads to closure of several food stalls at Penang food court | https://thesun.my/local-news/roach-infestation-leads-to-closure-of-several-food-stalls-at-penang-food-court-CD12888794 | THE SUN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 22-Aug | Penjawat awam naik gaji: KPDN diminta pertingkat aspek penguatkuasaan | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/penjawat-awam-naik-gaji-kpdn-diminta-pertingkat-aspek-penguatkuasaan/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 22-Aug | TINGKATKAN PEMAN-TAUAN, ELAK KENAIKAN HARGA BARANGAN - FAHMI | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2331830 | BERNAMA |
| 22-Aug | Menteri diarah turun padang pantau harga barang | https://www.buletintv3.my/nasional/menteri-diarah-turun-padang-pantau-harga-barang/ | BULETIN TV3 |
| 22-Aug | Semua kementerian tingkat pemantauan, elak kenaikan harga barangan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/semua-kementerian-tingkat-pemantauan-elak-kenaikan-harga-barangan | BERITA RTM |
| 22-Aug | Tingkatkan pemantauan, elak kenaikan harga ba-rangan - Fahmi | https://www.sinarharian.com.my/article/681493/berita/nasional/tingkatkan-pemantauan-elak-kenaikan-harga-barangan---fahmi | SINAR HARIAN |
| 22-Aug | Cabinet orders all ministries to enhance monitoring pric-es of goods — Fahmi | https://www.theedgemalaysia.com/node/723739 | THE EDGE MALAYSIA |
| 22-Aug | Cabinet orders stricter moni-toring to curb price hikes af-ter civil servants’ salary hike, says Fahmi | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/08/21/cabinet-orders-stricter-monitoring-to-curb-price-hikes-after-civil-servants-salary-hike-says-fahmi/147769 | MALAY MAIL |
| 22-Aug | Cabinet orders stricter moni-toring to curb price hikes af-ter civil servants’ salary hike, says Fahmi | https://www.malay.news/cabinet-orders-stricter-monitoring-to-curb-price-hikes-after-civil-servants-salary-hike-says-fahmi/ | MALAY NEWS |
| 22-Aug | Cabinet orders ministries to enhance monitoring of goods prices - Fahmi | https://thesun.my/local-news/cabinet-orders-ministries-to-enhance-monitoring-of-goods-prices-fahmi-EC12891858 | THE SUN |
| 22-Aug | Semua agensi kerajaan akan memantau harga, teru-tama makanan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1288055/semua-agensi-kerajaan-akan-memantau-harga-terutama-makanan | BERITA HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 22-Aug | Gaji naik: MTPN gerak 29,000 sukarelawan pantau harga barang | https://malaysiagazette.com/2024/08/21/gaji-naik-mtpn-gerak-29000-sukarelawan-pantau-harga-barang/#google_vignette | MALAYSIA GAZETTE |
| 22-Aug | Nelayan didenda RM20,000 miliki petrol tanpa lesen | https://www.sinarharian.com.my/article/681471/berita/semasa/nelayan-didenda-rm20000-miliki-petrol-tanpa-lesen | SINAR HARIAN |
| 22-Aug | Lelaki Dihukum Denda RM20,000 Atau Penjara Enam Bulan, Miliki Lebih 2,000 Liter Minyak Petrol Tanpa Lesen | https://sabahnews.com.my/lelaki-dihukum-denda-rm20000-atau-penjara-enam-bulan-miliki-lebih-2000-liter-minyak-petrol-tanpa-lesen/ | SABAH NEWS |
| 22-Aug | Miliki petrol tanpa lesen, nelayan didenda RM20,000 | https://www.buletintv3.my/mahkamah/miliki-petrol-tanpa-lesen-nelayan-didenda-rm20000/ | BULETIN TV3 |
| 22-Aug | Lelaki miliki minyak petrol tanpa lesen dihukum denda RM20,000 | https://sabahmedia.com/2024/08/21/lelaki-miliki-minyak-petrol-tanpa-lesen-dihukum-denda-rm20000-atau-penjara-6-bulan-jika-gagal-bayar/ | SABAH MEDIA |
| 22-Aug | Ketamakan 3 syarikat sebabkan ketirisan RM20 juta kepada kerajaan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1125388/ketamakan-3-syarikat-sebabkan-ketirisan-rm20-juta-kepada-kerajaan | HARIAN METRO |
| 22-Aug | Sindiket seleweng minyak masak bersubsidi RM20 juta tumpas | https://www.kosmo.com.my/2024/08/21/sindiket-seleweng-minyak-masak-bersubsidi-bernilai-rm20-juta-tumpas/ | KOSMO |
| 22-Aug | Sindiket seleweng minyak masak subsidi bernilai RM20 juta tumpas | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/sindiket-seleweng-minyak-masak-subsidi-bernilai-rm20-juta-tumpas/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 22-Aug | Sindiket penyelewengan minyak masak tumpas | https://malaysiagazette.com/2024/08/21/sindiket-penyelewengan-minyak-masak-tumpas/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 22-Aug | KPDN tumpas sindiket seleweng minyak masak bersubsidi babit nilai RM20 juta | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-tumpas-sindiket-seleweng-minyak-masak-bersubsidi-babit-nilai-rm20-juta/ | BULETIN TV3 |
| 22-Aug | Seleweng minyak masak subsidi RM20 juta dipatahkan KPDN | https://malaysiagazette.com/2024/08/21/seleweng-minyak-masak-subsidi-rm20-juta-dipatahkan-kpdn/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 22-Aug | KPDN patahkan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi bernilai RM20 juta | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-patahkan-aktiviti-penyelewengan-minyak-masak-bersubsidi-bernilai-rm20-juta-484503 | ASTRO AWANI |
| 22-Aug | KPDN busts RM20 million subsidised cooking oil misappropriation activities | https://thesun.my/local-news/kpdn-busts-rm20-million-subsidised-cooking-oil-misappropriation-activities-AC12890514 | THE SUN |